

DR SHAFIE ABU BAKAR

TOKOH PERSURATAN DUNIA NUMERA 2013 (NUSANTARA MELAYU RAYA)

UTAMA BIODATA ANUGERAH PUISI ANEKDOT BUKU GAGASAN DAN TEORI MEMOIR HUBUNGI KAMI

November 24, 2015

Faktor Tertangguh Dan Keperluan Membina Masjid Al-Umm

BBB, 11 Safar 1437 = 23 November 2015 (Isnin):




Tapak bagi masjid untuk Bandar Baru Bangi telah tersedia bersama pelan dan Pembangunan Bandar Baru Bangi sejak bandar itu dimulakan pembangunan mulai tahun 1975 lagi. Pendudukan awal di Bandar Baru Bangi ialah pada akhir November 1977 berikutan dari perpindahan kampus UKM dari Jalan Pantai Baru, Lembah Pantai Kuala Lumpur pada November berkenaan secara berperingkat. Tidak timbul keperluan kepada masjid di Bandar Baru Bangi, kerana penduduk yang berpindah pada peringkat awal hanya ratusan (Pada peringkat awal mereka berjamaah dari rumah ke rumah secara usrah). Pada peringkat awal perpindahan ini warga kampus UKM dan penduduk BBB kebanyakannya menunaikan solat Jumaat di Masjid Jami', Kajang. Bagi mengadakan solat Jumaat di UKM pada permulaan diadakan di Foyer di hadapan Pejabat Pentadbiran, kemudian berpindah di Dataran FSKK dan kemudian agak lama menggunakan ruang bahagian bawah Perpustakaan Tun Seri Lanang yang perpustakaan ini mula digunakan pada 19 Sya'ban 1400 bersamaan 2 Julai 1980. Warga kampus dan penduduk Bandar Baru Bangi menumpang solat Jumaat di Kampus UKM. Untuk bersolat berjamaah di atas usaha Persatuan Kebajikan Penduduk Bandar Baru Bangi dipengerusikan oleh En. Omar Jaafar berjaya mendapat keizinan menggunakan rumah semi-D beralamat No. 6 Jalan 1/3G, 43650 Bandar Baru Bangi yang tarikh mula menggunakannya ialah mulai 1 Ramadhan bagi tahun 1978. Jadi pada masa itu, walaupun sudah disedari ada tapak masjid di Seksyen Satu di Bandar Baru Bangi, tapi dirasakan masih tidak perlu kepada mendirikan Masjid, apa lagi bila Masjid UKM yang mula dibina pada 16 Mac 1979 dan siap serta mula digunakan pada 16 April 1982 juga adalah sebagai masjid bagi penduduk Bandar Baru Bangi. Namun pada awal 1980an timbul hasrat AJK Surau Al-Umm Bandar Baru Bangi untuk mendirikan surau di atas tapak masjid yang seluas 2 ekar itu, tetapi hasrat ini terpendam begitu sahaja. Tetapi hasrat ini timbul kembali, iaitu usaha untuk mendirikan surau sahaja di atas tapak Masjid Al-Umm kini dan mendapat kelulusan JAIS (Surat JAIS (2) dlm. JAIS Sel. 9189 3/5/10 bertarikh 30 Ogos 1996 dan mendapat keizinan dari PKNS dengan syarat pihak AJK Surau Al-Umm hendaklah menyerahkan kembali rumah semi - D, yang dibenar dijadikan surau sementara itu. Pihak AJK Surau Al-Umm selepas mendapat keizinan mendirikan surau pernah merubah keputusan untuk mendirikan Masjid pada tapak Masjid Al-Umm dan pihak JAIS tidak menghalang. Namun hasrat ini lenyap kembali apabila pembangunan pusat komersil dan pentadbiran dibangunkan pada Seksyen 9, Bandar Baru Bangi dengan menyertakan sama pembinaan sebuah masjid di atas kawasan pembangunan tersebut di atas tapak seluas 5 ekar. Masjid mula dibina pada tahun 1999 dan dirasmikan pembukaannya oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Ibn Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 4 Zulhijjah 1420 bersamaan 10 Mac 2000. Maka dengan itu hasrat untuk mendirikan masjid di tapak yang sedia diperuntukkan terhenti dan tumpuan penduduk Bandar Baru Bangi berjamaah dan bersolat fardu dan hari-hari perayaan di masjid


ANDA PELAWAT KE (MULA 04JUN2008)

1 7 2 0 2 0
0

PENULISAN DR SHAFIE ABU BAKAR



~PERSURATAN SUFI~



~MEREALISASIKAN BANGI BANDAR ILMU~

baru yang diberi nama dengan Masjid Al-Hasanah. Demikianlah faktor-faktor yang melengah, bahkan menghentikan usaha bagi mendirikan surau/masjid di tapak sedia ada sejak pembukaan Bandar Baru Bangi.

Namun di samping faktor-faktor yang merencatkan usaha bagi mendirikan masjid di tapak didirikan Masjid Al-Umm sekarang, di sana ada faktor-faktor yang menimbulkan usaha bagi mendirikan Masjid Al-Umm. Faktor-faktor tersebut ialah:

1. **Pertambahan Penduduk**

Berlakunya pertambahan penduduk dengan pesat. Bandar Baru Bangi yang dulunya tidak menjadi pilihan penduduk, tetapi sejak KLIA di buka pada pertengahan 1990an, Bandar Baru Bangi dilihat sebagai strategik kerana berada di antara KLIA, Seremban dan Kuala Lumpur. Bandar Baru Bangi dilihat lebih strategik apabila Ibu Negera, Putera Jaya mulai dibuka 2001. Maka makin ramai memilih Bangi sebagai tempat kediaman dan serentak dengan itu hartanah di Bangi melonjak harganya hingga meningkat kepada 10 kali ganda dari harga asal. Penduduk Bandar Baru Bangi meningkat padat kepada jumlah lebih dari 100,00 penduduk mulai 2005.

2. **Sebuah Masjid Tidak Mencukupi**

Dengan pertambahan penduduk adalah didapati dengan sebuah masjid sahaja tidak dapat menampung pertambahan penduduk secara mendadak. Di Bandar Baru Bangi sahaja, kedapatan 10 buah surau yang memohon mendirikan Jumaat, kerana tidak mencukupi tempat berjumaat dengan hanya sebuah masjid. Semua permohonan surau-surau berkenaan diluluskan. (Pada masa itu Penulis adalah sebagai ADUN Bangi, Semua permohonan untuk mendirikan masjid dan surau adalah melalui ADUN, termasuk untuk meningkatkan surau kepada mendirikan Jumaat).

3. **Sudah Tidak Ada Tanah Luas Di Bandar Baru Bangi**

Adalah disedari bahawa di Bandar Baru Bangi tidak ada lagi tapak seluas untuk mendirikan masjid seperti yang ada, maka jika tapak yang disediakan untuk pembinaan masjid di Seksyen Satu, Jalan ¼ itu tidak digunakan, maka tidak ada tapak untuk pembinaan masjid di Bandar Baru Bangi, sebab itu tapak yang disediakan perlu digunakan, lagi pula tanah bagi tapak masjid ini belum digezetkan, sebab itu kalau tidak digunakan, maka ianya boleh diubah kepada penggunaan yang lain

4. **Masjid Pemangkin Bagi Bangi Bandar Ilmu**

Pada akhir Julai (30 Julai – 01 September 2007) Persatuan Penduduk Bandar Baru Bangi menyambut usia 30 tahun (tiga dekad) usia Bandar Baru Bangi. Penulis yang dilantik sebagai Pengarah Sambutan 30 tahun Bandar Baru Bangi telah mewartakan (termasuk dalam buku acara sambutan) hasrat menjadikan Bangi Bandar Ilmu. Bersama dengan slogan ini dilihat mendirikan Masjid Al-Umm adalah sebagai pemangkin bagi Bangi Bandar Ilmu.

5. **Merealisasikan Hasrat Mendirikan Masjid Al-Umm**

Hasrat mendirikan Masjid Al-Umm adalah salah satu projek yang berperanan menyemarakkan Bandar Baru Bangi. Bila Penulis menjadi ADUN Bagi mulai Mac 2008, maka salah satu perancangan ialah mendirikan masjid pada tapak yang sedia ada. Permohonan dibuat melalui Surau al-Umm kebenaran mendirikan masjid. Kelulusan tapak diwartakan oleh YAB Dato' Menteri Besar melalui Pejabat Tanah ditujukan kepada JAIS Bil.PTD.UL.16/3/194-2006(9) bertarikh 1 Sept. 2009. Kemudian permohonan kepada JAIS dengan jawapan tiada halangan didirikan masjid Surat. JAIS Bil.(16) dlm.


JAL.SEL.BKP/03/016/5/22 bertarikh 17 November 2009. (Sebelum daripada iaitu pada 22 Jun 2008 YAB Dato' Menteri Besar Selangor Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim mengisytiharkan Bandar Baru Bangi sebagai Bandar Ilmu, di KUIS, Bandar Seri Putera, Bangi).

Berikut dari kelulusan itu ADUN Bangi memanggil Mesyuarat bagi melantik AJK Pembinaan Masjid diadakan di Surau Al-Umm pada 4 Februari 2010 (Khamis malam Jumaat). 30 orang wakil-wakil surau hadir. Mesyuarat AJK melantik AJK Pembinaan dengan Penulis sebagai ADUN adalah Pengerusi AJK, Tuan Haji Hussin Yunos Setiausaha dan Tuan Haji Mohd Nor Yasin sebagai Bendahari dengan sejumlah AJK. Harga pembinaan masjid pada masa itu ditetapkan RM10 juta. Berikut dari itu Majlis Pelancaran Derma diadakan di Dataran Pakir hadapan tapak masjid pada Sabtu 19 Mei, 2012 yang dilancarkan oleh ADUN Bangi dengan koleksi awal sejumlah RM150,000 dapat dipungut. Berikut dari itu Lawatan Kerja ke tapak Masjid Al-Umm dilakukan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada 6 Januari 2013. Pada 30 Safar 1435 bersamaan 2 Januari 2014 upacara menetapkan Qiblat dilakukan oleh Ybhg. Tuan Guru Dato' Dr. Haron Din selaku Penaung dan Penasihat kepada AJK Pembinaan Masjid Al-Umm.

Dengan itu pembinaan berjalan bermula dari masuk Tapak pada 10.12.2013. Pembangunan berterusan hingga kini yang dijangka akan siap pada akhir November 2015 ini – Insya Allah.

Sekian.

ditulis oleh Dr Shafie Abu Bakar at 7:25 AM



~TEORI TAKMILAH~



~PUNCAK RINDU~

Himpunan Puisi Kerohanian Dr Shafie Abu Bakar



~GAGASAN BANGI~

Himpunan penyertaan Pertandingan Penulisan Esei dan Puisi Bangi Bandar Ilmu 2012

1 comment:



JUNAIDI November 27, 2015 at 6:54 AM

SAYA SANGAT BERSYUKUR ATAS REJEKI YANG DIBERIKAN KEPADA SAYA DAN INI TIDAK PERNAH TERBAYANKAN OLEH SAYA KALAU SAYA BISA SEPERTI INI, INI SEMUA BERKAT BANTUAN MBAH RAWA GUMPALA YANG TELAH MEMBANTU SAYA MELALUI NOMOR TOGEL DAN DANA GHAIB, KINI SAYA SUDAH

BISA MELUNASI SEMUA HUTANG-HUTANG SAYA BAHKAN SAYA JUGA SUDAH BISA MEMBANGUN HOTEL BERBINTANG DI DAERAH SOLO DAN INI SEMUA ATAS BANTUAN MBAH RAWA GUMPALA,SAYA TIDAK AKAN PERNAH MELUPAKA JASA BELIAU DAN BAGI ANDA YANG INGIN DIBANTU OLEH RAWA GUMPALA MASALAH NOMOR ATAU DANA GHAIB SILAHKAN HUBUNGI SAJA BELIAU DI 085 316 106 111 SEKALI LAGI TERIMAKASIH YAA MBAH DAN PERLU ANDA KETAHUI KALAU MBAH RAWA GUMPALA HANYA MEMBANTU ORANG YANG BENAR-BANAR SERIUS,SAYA ATAS NAMA PAK JUNAIDI DARI SOLO DAN INI BENAR-BENAR KISAH NYATA DARI SAYA.BAGI YANG PUNYA RUM TERIMAKASIH ATAS TUMPANGANNYA..
BUKA DANA GHAIB MBAH RAWA GUNPALA

Reply

Enter your comment...


Comment as: Syahrul Sazli S ▼

Sign out

Publish

Preview


☐ Notify me

Newer Post


Home

Older Post


Subscribe to: Post Comments (Atom)



~BANGSI BANDAR ILMU~



~MADU ILMU~



~WAJAH DIRI~

